



DPI 1

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : KOMPUTER DAN PENGGUNAANNYA
KOD KURSUS : COM1023
PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2016
MASA : 2 ½ JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (20 Markah)
BAHAGIAN B (80 Markah)

2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.

3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Buku Jawapan
 - iii. Kertas Jawapan Objektif

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 14 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab SEMUA di dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Komputer ialah
 - A. peranti elektronik yang hanya memaparkan informasi
 - B. peranti yang membenarkan pengguna memasukkan data.
 - C. peranti elektronik yang beroperasi di bawah kawalan arahan yang disimpan dalam memori
 - D. peranti yang membenarkan pengguna berkongsi informasi dengan pengguna lain diseluruh dunia

2. Berikut merupakan kategori komputer KECUALI
 - A. LENOVO
 - B. *game consoles*
 - C. Komputer super
 - D. Komputer dan peranti mudah alih


3. X ialah perkakasan yang membenarkan pengguna untuk memasukkan data dan arahan ke dalam komputer. Apakah X?
 - A. Storan
 - B. Komunikasi
 - C. Peranti input
 - D. Peranti output

4. Berikut merupakan contoh peranti input KECUALI
 - A. Kayu ria
 - B. skrin sentuh
 - C. papan kekunci
 - D. pembesar suara

5. Jenis papan kekunci yang manakah dicipta untuk mengurangkan peluang untuk pergelangan tangan daripada cedera?
- Papan kekunci ekonomi
 - Papan kekunci istimewa
 - Papan kekunci ergonomik
 - Papan kekunci keselamatan
6. Manakah antara berikut pernyataan BENAR mengenai unit sistem?
- Kes yang mengawal masa pengoperasian semua komputer
 - Peranti elektronik yang menyimpan dokumen yang boleh digunakan pada masa akan datang
 - Kes yang mengandungi komponen elektronik komputer yang digunakan untuk memproses data
 - Komponen utama yang menjalankan arahan asas bagi menggerakkan atau membuatkan sesebuah komputer beroperasi
7. Jenis memori yang manakah merujuk kepada cip memori yang menyimpan data dan arahan kekal?
- Flash memory*
 - Cache memory*
 - Read- only memory*
 - Random access memory*
8. Contoh peranti output ialah
- tetikus
 - monitor
 - pengimbas
 - papan kekunci
9. Manakah antara berikut pernyataan BENAR mengenai peranti output?
- Peranti output merupakan perkakasan yang menyampaikan informasi kepada satu atau ramai orang
 - Projektor data adalah peranti output yang memaparkan teks atau gambar pada skrin yang lebih besar selepas ianya dipaparkan pada skrin komputer
 - Peranti paparan dan pengimbas mudah alih adalah antara contoh peranti output
 - Terdapat hanya dua jenis mesin pencetak iaitu mesin pencetak *ink-jet* dan mesin pencetak laser

- A. I dan II sahaja
 - B. II dan III sahaja
 - C. III dan IV sahaja
 - D. Semua jawapan di atas
10. Proses yang memulakan atau memulakan semula sesebuah komputer ialah proses
- A. *Keying*
 - B. *Loading*
 - C. *Booting*
 - D. *Launching*
11. Yang manakah antara berikut fungsi sistem operasi?
- I. Memantau prestasi
 - II. Menguruskan memori
 - III. Menguruskan program
 - IV. Memula dan menutup komputer
- A. I dan II sahaja
 - B. II dan III sahaja
 - C. III dan IV sahaja
 - D. Semua jawapan di atas
12. Komputer manakah yang boleh menggunakan perisian MAC OS?
- A. Apple
 - B. Microsoft
 - C. Komputer super
 - D. Semua jenis komputer

13. Rajah 1 menunjukkan kategori perisian aplikasi. Apakah X dan Y?




Rajah 1

	X	Y
A.	Cinta	Ekonomi
B.	Grafik dan multimedia	Rumah/Personal/ Pendidikan
C.	Sukan	Berita dan Dunia
D.	Grafik	Bunyi

14. Perisian bisnes ialah

- perisian aplikasi yang perlu dibeli di kedai komputer
- perisian yang membantu pelajar menyiapkan tugas akaun
- perisian aplikasi yang membantu pengguna semasa melakukan aktiviti bisnes
- perisian yang dipasang dalam setiap komputer dan banyak digunakan oleh pelajar universiti

15. Rajah 2 menunjukkan satu jenis topologi rangkaian.




Rajah 2

Nama topologi rangkaian tersebut ialah

- A. topologi bas (*Bus*)
 - B. topologi bintang (*Star*)
 - C. topologi gelung (*Ring*)
 - D. topologi seranjang (*Perpendicular*)
16. Apakah rangkaian yang menghubungkan komputer dan peranti dalam suatu kawasan geografi yang terhad?
- A. LAN
 - B. MAN
 - C. WAN
 - D. WLAN
17. Internet ialah
- A. koleksi rangkaian yang menggabungkan semua pengguna di dunia
 - B. koleksi rangkaian dunia yang menggabungkan bisnes, agensi kerajaan, institusi pendidikan dan individu
 - C. koleksi komputer yang ditempatkan secara berdekatan antara satu sama lain dan dihubungkan dengan sekurang- kurangnya satu rangkaian
 - D. koleksi rangkaian yang membenarkan pengguna berhubung dengan bisnes, agensi kerajaan dan pengguna lain
18. Berikut merupakan enjin carian KECUALI
- A. Bing
 - B. Yahoo
 - C. Google
 - D. Domain

19. Apa yang akan terjadi apabila kekunci dalam Rajah 3 ditekan ketika menggunakan perisian *Microsoft Word*?



Rajah 3

- A. Teks disalin
 - B. Teks ditampal
 - C. Teks ditukar tempat
 - D. Teks tersebut dipotong
20. Pilih urutan yang betul untuk menunjukkan fail UJIAN yang letaknya di dalam folder COM1023
- A. c:\Com1023\Ujian
 - B. c:\UJIAN\COM1023
 - C. c:\COM1023\UJIAN
 - D. c:\Com1023\UJIAN

[20 MARKAH]


BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **LAPAN (8)** soalan.

Jawab SEMUA soalan. Jawab di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

1. a) Tuliskan nama **ENAM(6)** komponen komputer berdasarkan label yang dipaparkan dalam Rajah 4 (6 markah)



Rajah 4

- b) Nyatakan **EMPAT(4)** komponen perkakasan komputer (4 markah)

SOALAN 2

- a) Senaraikan **EMPAT(4)** komponen yang termasuk di dalam unit sistem pada komputer personal (4 markah)
- b) Nyatakan **SATU(1)** fungsi *Arithmetic and Logic Unit (ALU)* (2 markah)
- c) Unit sistem mengandungi dua jenis memori iaitu memori meruap dan memori tidak meruap. Nyatakan **SATU(1)** perbezaan dan **SATU(1)** contoh untuk setiap memori tersebut (4 markah)

SOALAN 3

- a) Nyatakan maksud peranti storan (2 markah)
- b) Senaraikan **TIGA(3)** contoh peranti storan (3 markah)
- c) Nyatakan **TIGA(3)** kelebihan *solid state drive (SSD)* berbanding *magnetic hard disk* (3 markah)
- d) Nyatakan **DUA(2)** kelebihan menggunakan peranti storan berbanding storan utama (2 markah)

SOALAN 4

- a) Nyatakan maksud sistem pengoperasian (2 markah)
- b) Berikan **TIGA(3)** fungsi sistem pengoperasian (3 markah)
- c) Senaraikan **TIGA(3)** kategori sistem pengoperasian (3 markah)
- d) Nyatakan **DUA(2)** contoh sistem pengoperasian untuk telefon pintar (2 markah)

SOALAN 5

- a) Nyatakan **SATU(1)** perbezaan antara program utiliti dan perisian aplikasi (2 markah)
- b) Nyatakan **DUA(2)** jenis program utiliti (2 markah)
- c) Namakan **TIGA(3)** jenis antivirus yang anda tahu (3 markah)
- d) Senaraikan **TIGA(3)** contoh perisian aplikasi (3 markah)

SOALAN 6

- a) Berikan definisi rangkaian. (2 markah)

- b) Berikan nama penuh setiap singkatan di bawah: (6 markah)
- i. LAN
 - ii. MAN
 - iii. WAN
 - iv. www
 - v. URL
 - vi. GPS
- c) Topologi rangkaian bintang (*star*) adalah salah satu contoh topologi rangkaian yang sering digunakan. Lukiskan topologi rangkaian tersebut (2 markah)

SOALAN 7

- a) Nyatakan maksud internet (2 markah)
- b) Namakan **EMPAT(4)** pelayar web (4 markah)
- c) Terangkan perbezaan antara mesej segera dan email (2 markah)
- d) Terangkan **DUA(2)** etika penggunaan internet yang baik (2 markah)

SOALAN 8

Soalan berikut merujuk kepada Microsoft Excel pada Rajah 5

G7						
	A	B	C	D	E	F
1						
2				Mark		
3	Num	Student Name	Matric Num	Science	English	
4	1	aminah	ac100001	79	67	
5	2	siti	ac100002	56	80	
6	3	husni	ac100003	30	54	
7	4	ramli	ac100004	77	78	
8	5	azimah	ac100005	80	84	
9	6	rizal	ac100006	84	70	
10	7	lina	ac100007	48	60	
11	8	arif	ac100008	44	60	
12	9	akmal	ac100009	51	56	
13	10	nizam	ac100010	62	45	
14						
15			Total		654	
16			Num. of Student			
17			Average Mark	61.1		
18			Maximum Mark		84	
19			Minimum Mark			
20						

Rajah 5

- a) Tulis formula pada sel D15 untuk mengira jumlah markah untuk subjek Sains (2 markah)
- b) Tulis formula pada sel D16 untuk mengira jumlah pelajar (2 markah)

- c) Tulis formula pada sel E17 untuk mengira purata markah untuk subjek Bahasa Inggeris (2 markah)
- d) Tulis formula pada sel D18 untuk mencari markah tertinggi untuk subjek Sains (2 markah)
- e) Tulis formula pada sel D19 dan E19 untuk mencari markah terendah untuk subjek Sains dan Bahasa Inggeris (2 markah)

[80 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

